

PERANAN AGENSI DALAM PELAKSANAAN PROGRAM PEMBANGUNAN SOSIAL: KAJIAN KES KOMUNITI ORANG ASLI PERKAMPUNGAN SUNGAI BERUA, HULU TERENGGANU

¹⁾NORHAYATI AB MANAF, ²⁾RAMLE ABDULLAH

¹⁾*Institute of Tropical Biodiversity and Sustainable Development, Universiti Malaysia Terengganu,
21030 Kuala Nerus, Terengganu, Malaysia*

²⁾*Research and Publishing Centre, National Academy of Arts Culture and Heritage, Kuala Lumpur,
Malaysia*

**Corresponding author: yati.manaf@umt.edu.my*

Abstact

The Orang Asli community is one of the indigenous peoples in Peninsular Malaysia, the majority of whom live in rural areas and are still lagging behind in the country's development. Various programs have been implemented by the agencies on this community including education, training and skills, health, income generation, infrastructure and social facilities, but the quality of life of this community is still low when compared to other communities in Malaysia. To discuss this issue, two objectives of the study have been developed, namely (i) explain the social development programs that have been implemented and (ii) identify the role of agencies in the implementation of social development programs on the Orang Asli community of Terengganu. This study involves agencies such as the Department of Orang Asli Development (JAKOA), Sekolah Kebangsaan Sungai Berua, Department of Islamic Development Malaysia (JAKIM) and Additional Health Clinics in the Orang Asli village of Sungai Berua, Hulu Terengganu. Samples were selected using objective sampling techniques. This study uses qualitative methods in the form of case studies. Data were collected through interview techniques and subsequently, analyzed and coordinated with the help of NVIVO 11 software. The results of the study found that the Social Development Program implemented by the four agencies as a whole emphasized all elements in social development. Social Development programs implemented are such as providing housing and infrastructure facilities, training and skills programs, family programs, education programs, spiritual programs and health programs. This study also found that the agencies play a role in the process of planning, evaluating, monitoring a program so that the programs implemented are in accordance with the schedule that has been set and also cooperate with other agencies in implementing the program together.

Keywords : *social development programs, agency roles, Orang Asli communities, Sungai*

Berua

Abstrak

Komuniti Orang Asli merupakan salah satu kaum peribumi di Semenanjung Malaysia yang majoritinya tinggal di kawasan pedalaman dan masih terkebelakang dalam arus pembangunan negara. Pelbagai program telah dilaksanakan oleh pihak agensi ke atas komuniti ini termasuklah program pendidikan, latihan dan kemahiran, kesihatan, penjaan pendapatan, infrastruktur dan kemudahan sosial, namun tahap kualiti hidup komuniti ini masih lagi rendah jika dibandingkan dengan komuniti lain di Malaysia. Bagi

membincangkan isu ini, dua objektif kajian telah dibangunkan iaitu (i) menjelaskan program-program pembangunan sosial yang telah dilaksanakan dan (ii) mengenalpasti peranan agensi dalam pelaksanaan program pembangunan sosial ke atas komuniti Orang Asli Terengganu. Kajian ini melibatkan pihak agensi seperti Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA), Sekolah Kebangsaan Sungai Berua, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Klinik Kesihatan Tambahan di perkampungan Orang Asli Sungai Berua, Hulu Terengganu. Sampel dipilih menggunakan teknik persampelan bertujuan. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif yang berbentuk kajian kes. Data dikumpul melalui teknik temubual dan seterusnya, dianalisis dan diselaraskan dengan bantuan perisian NVIVO 11. Hasil kajian mendapati bahawa Program Pembangunan Sosial yang telah dilaksanakan oleh keempat-empat agensi secara keseluruhannya memberi penekanan kepada kesemua elemen dalam pembangunan sosial. Program Pembangunan Sosial yang dilaksanakan adalah seperti menyediakan kemudahan perumahan dan infrastruktur, program latihan dan kemahiran, program kekeluargaan, program pendidikan, program kerohanian dan program kesihatan. Kajian ini juga menemukan bahawa pihak agensi-agensi tersebut berperanan dalam proses perancangan, penilaian, pemantauan sesuatu program agar program – program yang dilaksanakan tersebut berjalan sesuai dengan jadual yang telah ditetapkan dan turut membuat kerjasama dengan pihak agensi lain dalam melaksanakan program secara bersama.

Kata Kunci: program pembangunan sosial, peranan agensi, komuniti Orang Asli, Sungai Berua

PENGENALAN

Komuniti Orang Asli merupakan kaum minoriti penduduk di Malaysia dan merupakan satu-satunya komuniti peribumi yang terdapat di Semenanjung Malaysia (Redzuan & Gill, 2008). Orang Asli yang terdapat di Semenanjung Malaysia terbahagi kepada tiga kaum terbesar iaitu Negrito, Senoi dan Melayu Proto (Tarmiji et. al., 2013). Menurut Abdullah (2014), setiap kaum dipecahkan kepada enam suku kaum. Kaum Negrito dipecahkan kepada suku kaum Kintak, Kensiu, Jahai, Mendrik, Bateq dan Lanoh. Kaum Senoi pula dipecahkan kepada suku kaum Temiar, Semai, Chewong, Jah-Het, Semaq Beri dan Mah Meri. Manakala kaum Melayu-Proto dipecahkan kepada suku kaum Temuan, Semelai, Jakun, Orang Kanaq, Orang Seletar dan Orang Kuala.

Persekitaran semulajadi terutamanya sumber hutan adalah merupakan suatu elemen penting dalam kehidupan komuniti Orang Asli. Mereka sangat bergantung kepada sumber hutan dalam kehidupan seharian mereka (Amir Zal et.al., 2014). Kajian Abdullah (2014) turut membincangkan berkaitan aktiviti ekonomi komuniti Orang Asli dalam memanfaatkan sumber hutan seperti mencari dan mengumpul hasil hutan serta penjualan hasil hutan iaitu rotan, candan, dan gaharu kepada masyarakat luar. Hasil hutan tersebut merupakan sumber pendapatan utama komuniti Orang Asli.

Terdapat pelbagai faktor yang menyumbang kepada kemiskinan Orang Asli. Jamiran & Ta Wee (2013) mengenal pasti beberapa faktor seperti lokasi petempatan mereka yang jauh di kawasan pedalaman dan faktor kesebatian mereka dengan hutan yang tidak dapat dipisahkan. Walau bagaimanapun, pihak agensi yang bertanggung jawab ke atas komuniti ini telah melaksanakan pelbagai jenis program bagi meningkatkan status kualiti hidup komuniti Orang Asli termasuklah melaksanakan Program Pembangunan Sosial (PPS).

SOROTAN KAJIAN

Program Pembangunan Sosial

Terdapat dua pendekatan yang digunakan oleh pihak agensi dalam membangunkan komuniti Orang Asli. Pertama, melalui peningkatan ekonomi iaitu pembangunan tanah dan usaha komersial. Kedua, menyediakan kemudahan-kemudahan sosial seperti kemudahan kesihatan, pendidikan, perumahan dan kebajikan peribadi (Idris, 1992).

Terdapat tiga klasifikasi program pembangunan yang dilaksanakan ke atas komuniti Orang Asli iaitu Program Pembangunan Ekonomi, Program Pembangunan Sosial dan Program Pembangunan Penempatan Tersusun. Bermula tahun 2008, terdapat peruntukan khas untuk meningkatkan kualiti hidup komuniti Orang Asli yang meliputi program wang saku, kemudahan pengangkutan, bakul makanan dan input pertanian (JAKOA, 2011). Perincian program-program pembangunan tersebut adalah sepertimana Jadual 1.

Jadual 1: Program-Program Pembangunan Orang Asli

Klasifikasi Program	Jenis Program	Kaedah	Objektif Program
Program Pembangunan Ekonomi	Program Pembangunan Ekonomi Negeri	Pembiayaan projek pembangunan ladang (RISDA dan FELCRA)	mengurangkan kadar kemiskinan di kalangan masyarakat Orang Asli.
	Program Pengembangan (Kursus)	Memberi latihan dan pendedahan kepada masyarakat Orang Asli yang berpotensi mengenai projek tanaman dan pertanian moden.	
	Program Bimbingan Usahawan	Mempromosikan produk-produk Orang Asli dan menyediakan pelbagai insentif kepada bakal usahawan Orang Asli yang telah mengikuti kursus-kursus keusahawanan yang dianjurkan.	Pelbagai bidang perniagaan telah diterokai oleh Orang Asli seperti perniagaan kedai runcit, kedai makan, bengkel kenderaan, kafe siber dan bidang pembinaan.
	Program Pembinaan Ruang Niaga	Membina premis ruang niaga kepada masyarakat Orang Asli yang telah menceburkan diri dalam bidang perniagaan.	
	Program Peningkatan Pendapatan, Skim Pembangunan	Pembiayaan peralatan jentera pertanian, bahan input perikanan, kelengkapan menangkap ikan, projek sayuran, tanaman keledak,	Mengurangkan kadar miskin tegar selaras dengan hasrat pihak kerajaan.

	Kesejahteraan Rakyat (SPKR)	tanaman limau nipis, ternakan ikan talapia, ternakan ayam kampung, ternakan kambing dan sebagainya.	
Program Pembangunan Sosial	Program Bantuan Rumah (PBR)	Menyediakan kemudahan perumahan kepada Masyarakat Orang Asli miskin dan miskin tegar	
	Projek Infrastruktur dan Kemudahan Awam	Membina dan meningkatkan kemudahan infrastruktur serta kemudahan awam di perkampungan Orang Asli.	
Program Pembangunan Penempatan Tersusun	Rancangan Pengumpulan Semula (RPS)	Penyediaan rumah kediaman kepada peserta program, pembangunan infrastruktur dan prasarana secara bersepadu serta program tanaman komersial seperti kelapa sawit dan getah.	Perpindahan Orang Asli ke lokasi baru dari penempatan asal
	Penyusunan Semula Kampung (PSK)	Menaik taraf infrastruktur kampung dan kemudahan awam, keperluan asas dan projek pembangunan tanah seperti tanaman sawit dan getah bagi meningkatkan pendapatan penduduk setempat.	
	Rancangan Kampung Baru (RKB)	Membangun dan menjaga kebajikan masyarakat Orang Asli yang mana kampung mereka berada di kawasan berkenaan.	
	Projek Bencana Alam	Menyediakan peruntukan bagi tujuan pemindahan mereka ke lokasi baru, tapak dan perumahan baru, termasuk kemudahan jalan, perparitan dan lain-lain atau memperbaiki sistem perparitan, pembedungan, pelebaran/mendalamkan sungai, benteng dan sebagainya.	
	Ukur Keliling	Keperluan kerja ukur keliling	

Tanah penempatan Orang Asli (kampung) / Pengambilan Tanah	dan kejuruteraan bagi melaksanakan projek pembangunan persekutuan.
--	--

Menurut Abdullah (2014), Program Pembangunan Sosial (PPS) termasuklah bantuan pendidikan, perumahan rakyat termiskin, program latihan, program pembangunan minda, program pembangunan keluarga dan kemudahan kesihatan. Seterusnya, Jamiran & Ta Wee (2013) memperincikan PPS melibatkan projek pembangunan keluarga dan masyarakat, kemudahan kesihatan dan perubatan serta perumahan ketua masyarakat. Secara umumnya, PPS berfokus kepada aspek pendidikan, kemudahan kesihatan, pembangunan kerohanian serta kemudahan infrastruktur dan perumahan (Ab Manaf, et.al, 2019).

Peranan Agensi dalam Program Pembangunan

Agensi kerajaan merupakan pemegang taruh yang paling hampir dengan komuniti (Kayat & Mohd Nor, 2006). Agensi kerajaan bertanggungjawab dalam memastikan semua program yang dilaksanakan berjalan dengan lancar dan mencapai matlamat yang ditetapkan. Lazimnya, agensi kerajaan merangka pelbagai bentuk program pembangunan mengikut keperluan komuniti agar seiring dengan arus kemajuan dan pembangunan negara. Selain itu, agensi kerajaan juga berperanan untuk memberi penerangan dan bantuan teknikal kepada komuniti mengikut fungsi masing-masing.

Secara umumnya, agensi kerajaan ditubuhkan untuk membantu meningkatkan taraf hidup komuniti di seluruh negara. Agensi kerajaan berperanan untuk memastikan taraf kualiti hidup komuniti berubah kepada yang lebih baik. Menurut Hashim & Abdullah (2009), matlamat sesuatu program pembangunan sememangnya perlu disokong oleh agensi pelaksana secara berterusan dengan peranan yang jelas.

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat merupakan agensi peneraju dalam pelaksanaan program pembangunan keluarga dan masyarakat. Dalam Rancangan Malaysia Kesebelas (RMK-11) yang dijalankan tahun 2016 hingga 2020, kerajaan melaksanakan pendekatan pembangunan seimbang dengan memberi penekanan kepada pertumbuhan ekonomi dan kesejahteraan rakyat (Unit Perancang Ekonomi Negeri, 2015). Selaras dengan perancangan RMK-11, pihak Kementerian telah menggubal Pelan Induk Transformasi Luar Bandar (2016-2020). Pelan ini berusaha melaksanakan program memajukan masyarakat luar bandar melalui perubahan sikap dan minda, peningkatan ilmu dan kemahiran. Pelan induk ini memfokuskan kepada penyediaan prasarana luar bandar, pembangunan belia luar bandar, peningkatan pendapatan penduduk dan peluang pekerjaan (ekonomi), memperluaskan perniagaan dan mewujudkan entiti pemasaran (keusahawanan), mempercepatkan pembangunan modal insan dan mempertingkatkan sistem penyampaian perkhidmatan.

Bagi menyelesaikan isu pembangunan dan kesejahteraan komuniti Orang Asli, pihak kerajaan telah menubuhkan satu agensi khas yang bertanggungjawab sepenuhnya ke atas

komuniti tersebut iaitu Jabatan Kemajuan Orang Asli Malaysia (JAKOA). Tujuan utama penubuhan awal JAKOA adalah untuk melindungi Orang Asli dan cara hidup mereka daripada kepesatan perkembangan tamadun dan eksploitasi masyarakat luar. Di samping itu, JAKOA menyediakan kemudahan dan bantuan pendidikan, kesihatan dan pembangunan sosioekonomi.

Dari aspek pembangunan pendidikan, kajian Salleh (2009) menunjukkan pihak agensi seperti sekolah perlu memainkan peranan dalam meningkatkan kesedaran pendidikan dalam kalangan anak-anak Orang Asli. Dapatan kajian beliau menunjukkan bahawa terdapat kesedaran dalam kalangan anak-anak Orang Asli dalam bidang pendidikan, tetapi pengaruh budaya menyempitkan mentaliti mereka untuk mengubah gaya dan taraf hidup. Selain itu, kebanyakan ibu bapa Orang Asli mempunyai taraf pendidikan yang rendah, walaupun mereka menyedari hakikat kepentingan pendidikan. Oleh kerana mereka tidak mampu membantu pelajaran anak-anak, mereka hanya menyerahkan segala tanggungjawab mendidik kepada pihak sekolah.

Aspek kesihatan merupakan perkara penting untuk dipertingkatkan dalam sesebuah negara bagi mencapai kesejahteraan hidup masyarakat (Cooke, et al., 2007; Subramanian, et al., 2006; Shafii et al., 2009). Walau bagaimanapun, beberapa kajian telah dijalankan seperti kajian Abdullah (2009) terhadap kesihatan kanak-kanak Orang Asli menunjukkan bahawa taraf kesihatan komuniti Orang Asli masih berada pada tahap yang rendah. Terdapat sebanyak 82.4 peratus kanak-kanak Orang Asli terbantut, 84.9 peratus kurang berat badan dan 39.4 peratus tersusut. Namun begitu, kemudahan klinik kesihatan telah diberikan kepada komuniti ini dalam memberikan perkhidmatan kesihatan kepada komuniti Orang Asli.

Selain itu, aspek keagamaan juga penting kerana sebahagian Orang Asli beragama Islam. Berdasarkan kajian Don & Sa'id (2005), pelbagai program kerohanian telah dilaksanakan oleh institusi kerajaan dan NGO. Antaranya program-program dakwah (kelas-kelas fardu ain, al-Qur'an) dan program penghayatan Islam. Namun begitu, ia tidak memberikan impak yang besar dalam meningkatkan kualiti hidup Orang Asli. Majoriti Orang Asli beragama Islam tidak melaksanakan amalan beragama dalam kehidupan seharian dengan sempurna. Ia berpunca daripada tahap kefahaman Islam yang minimum. Justeru, kesedaran penghayatan Islam berada pada tahap minimum. Amalan kehidupan beragama meliputi asas-asas ajaran Islam dalam aspek akidah, ibadah dan akhlak. Orang Asli menghadapi masalah berkaitan kefahaman akidah dan ibadah. Walaupun Orang Asli telah memeluk Islam, kepercayaan mereka masih bercampur aduk dengan nilai-nilai animisme dan supernatural. Dalam aspek ibadah, majoriti komuniti Orang Asli mengabaikan tanggungjawab mereka sebagai seorang Muslim.

Sehubungan dengan itu, kajian ini memfokuskan kepada peranan agensi dalam pelaksanaan program-program pembangunan sosial ke atas komuniti Orang Asli di perkampungan Sungai Berua, Hulu Terengganu.


METODOLOGI

Kajian ini dijalankan dengan menggunakan kaedah penyelidikan kualitatif. Kaedah ini dipilih bertujuan untuk menghuraikan dan menjelaskan data dan maklumat secara

terperinci dan mendalam (Marshall, 1996). Bagi mendapatkan gambaran umum kajian, kajian ini menggunakan pendekatan kajian kes. Pengumpulan data kajian kes meliputi data temubual, data pemerhatian, rekod dan pernyataan daripada mana-mana dokumen mengenai kes tersebut. Informan kajian dipilih dengan menggunakan kaedah persampelan bertujuan. Kaedah ini digunakan untuk memilih informan supaya dapat memberikan maklumat yang jelas dan terperinci berkenaan isu yang hendak dikaji (Merriam, 1998).

Kampung Sungai Berua, Hulu Terengganu dipilih sebagai tempat kajian kerana perkampungan Orang Asli di sini mempunyai cukup kemudahan pembangunan sosial iaitu terdapat kemudahan rumah, sekolah rendah, surau, klinik tambahan, balai raya, serta mempunyai staf-staf agensi yang bertugas di kampung ini sepanjang masa. Seterusnya adalah disebabkan kebanyakan PPS dilaksanakan di perkampungan ini kerana bilangan penduduk yang ramai.

Kajian secara intensif dijalankan dari Januari 2017 hingga Jun 2018. Sepanjang tempoh kajian, penyelidik telah menemubual seramai 4 orang informan dari agensi yang terlibat iaitu Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA), Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), sekolah rendah Orang Asli dan klinik kesihatan. Informan dari pihak agensi adalah terdiri daripada pegawai yang bertanggung jawab ke atas pelaksanaan PPS ke atas komuniti Orang Asli Sungai Berua. Lokasi perkampungan komuniti Orang Asli Sungai Berua, Hulu Terengganu adalah sepertimana Rajah 1 di bawah.



Rajah 1: Lokasi perkampungan Orang Asli Kampung Sungai Berua, Hulu Terengganu
(Sumber: Abdullah, 2014)

HASIL KAJIAN

Bagi menjawab soalan kajian dan mencapai objektif kajian, analisis dokumen dan temubual telah digunakan untuk menjelaskan program – program pembangunan sosial yang dilaksanakan ke atas komuniti Orang Asli di perkampungan Sungai Berua, Hulu Terengganu. Sepertimana dinyatakan sebelum ini, kajian ini memberikan perhatian kepada PPS.

Bagi teknik analisis dokumen, penyelidik telah mengumpul semua laporan tahunan daripada keempat-empat agensi yang terlibat iaitu JAKOA, pihak sekolah, JAKIM dan Klinik Kesihatan. Penyelidik juga menemubual keempat-empat agensi tersebut bagi mengenal pasti PPS yang telah dijalankan.

Bagi menjawab objektif kajian pertama dan kedua, hasil temubual bersama staf agensi yang terlibat digunakan untuk mengenal pasti peranan agensi dalam pelaksanaan PPS ke atas Orang Asli.

Berdasarkan maklumat daripada hasil temubual informan 1, menyatakan bahawa:

“Sebenarnya kita suka kalau ada agensi lain yang juga cakna kepada Orang Asli. Kita bagi sokongan. Contohnya kalau hal berkaitan kesihatan, kita buat kerjasama dengan kesihatan. Kat sini ada balai rawatan, sebulan sekali pihak kesihatan daerah akan beroperasi. Dengan pendidikan, kita memang bekerjasama la, dengan Pejabat Pendidikan Daerah (PPD), Jabatan Pendidikan Negeri (JPN), kita dengan sekolah pun kita bekerjasama secara langsung, kita jumpa dengan Guru Besar, Pengetua sekolah, Kita ada hubungan yang baiklah dengan pendidikan. Dengan JAKIM pun kita baik. Kita ada 2 orang penggerak JAKIM di kampung Sungai Pergam dan 3 orang penggerak JAKIM di kampung Sungai Berua. Tentang pendidikan kerohanian dialah. Dari segi infrastruktur, kita bangunkan perumahan dia, dewan dan kelengkapan gelanggang futsal. Lengkap dah sebenarnya. Hampir lengkaplah kiranya. Cuma baik pulih tu biasa la kan, setahun sekali kita akan baiki. Ada danalah. Selepas 5 tahun kita baik pulih lah. Kita tengok yang paling utama. Mana yang uzur kita baik pulih dulu. Dari segi pembangunan ni, kita buat perancangan dulu. Tengok berapa yang kena baik pulih, bina baru. Lepas tu kita angkat paper ke Kota Bharu la. Kita dapat maklumat tu dari JKKK dia la. Kita tanya dari segi pandangan JKKK la apa dia keperluan la. Dari segi pekerjaan, kita ada buat program keusahawanan program ekonomi, tapi untuk kerja tetap, tak ada la kat sini. Cuma ada lah dia kerja dengan FELCRA, kerja ladang, kalau dia ada kelulusan, kita boleh mohon. Untuk perancangan dari segi memantapkan institusi kekeluargaan, kita ada buat program motivasi kepada ibu bapa. Dari segi institusi kekeluargaan Orang Asli ni, kita tengok yang terbaiklah, kita tak dengar lagi kisah pencerai, dera ke, dari segi kekeluargaan masih utuh”.

Berdasarkan hasil temubual dengan informan 1, kajian ini mendapati bahawa di antara program yang telah dilaksanakan kepada komuniti Orang Asli termasuklah menyediakan kemudahan perumahan dan infrastruktur, program latihan dan kemahiran serta program kekeluargaan. Pihak agensi turut bekerjasama dengan agensi lain dalam pendidikan, keagamaan/kerohanian dan kesihatan komuniti Orang Asli. Pihak agensi inikutut berperanan sebagai orang tengah dan menyokong sepenuhnya jika ada pihak agensi lain - lain yang ingin melaksanakan program pembangunan ke atas Orang Asli.

Seterusnya temubual dengan informan 2 pula menyatakan:

“Dalam program akademik tu ada program LINUS, linus ini program literasi, numerasi dan bahasa inggeris supaya pelajar menguasai 3M iaitu membaca, menulis, dan mengira. Biasa sekolah lain buat untuk tahap 1 je, tapi sekolah kita ini kita buat dari darjah 1 hingga darjah 6, sebab pelajar sini sekolah sampai darjah 6 je. Memperkasa 3M biar sekurang – kurangnya pelajar darjah 6 tu boleh membaca, menulis, mengira, dan ada asas bahasa inggeris. Jangan dia tak ada benda sangat, biar ada ilmu. Selain pada LINUS, kita buat jugak program UPSR yang empower di bawah pihak East Coast Economic Region (ECER), Jabatan Pelajaran Negeri Terengganu, yang pihak sekolah iaitu di bawah panitia pun ada buat. Kita nak murid kita ni ada peluang macam arus perdana, kita bagi peluang ke dia walaupun kita tahu pencapaian mereka tak seberapa.

Program dengan kerjasama pihak ECER tu kita buat kelas tambahan kepada pelajar tahun enam yang akan mengikuti Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR). Pihak ECER menaja elaun untuk guru, menanggung kos makan minum pelajar, membayar elaun minyak kepada guru dan pembelian alat – alat untuk aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Kelas ini diadakan sebanyak 4 kali seminggu iaitu 4 subjek. Kebiasaannya kita adakan program ini pada hari khamis bagi minggu akhir. Selain itu, kita juga buat program “Jihai Iwok ku atau maksudnya Sayang Anakku”. Objektif pelaksanaan program ini adalah untuk menggalakkan pelajar hadir ke sekolah. Kaedah program ialah cikgu akan membawa pelajar-pelajar yang hadir ke sekolah untuk bermain sukaneka di kawasan perkampungan Orang Asli supaya dapat menarik minat pelajar-pelajar yang tidak hadir ke sekolah untuk turut serta bermain bersama kawan-kawan mereka sekaligus membawa mereka untuk hadir ke sekolah.

Tadi sekolah ada buat program ni, dapat tambahan 2 orang pelajar yang hadir ke sekolah kerana turut serta dalam aktiviti sukaneka yang diadakan. Program ni kita akan laksanakan dalam tempoh 2 minggu. Ni hari pertama kita buat program ni. Seterusnya, baru-baru ni kita ada jalankan program “kawwan mencari kawwan”, caranya adalah dengan membawa pelajar yang hadir ke sekolah untuk mencari kawwan-kawwan dia yang tidak hadir ke sekolah. Sekiranya pelajar tersebut dapat membawa kawwan dia yang tidak hadir itu untuk ke sekolah, cikgu akan berikan saguhati. Walaubagaimanapun, program ini pihak sekolah buat apabila ada masa lapang je atau bila kita lihat bilangan kehadiran pelajar sikit sangat. Masa kita buat program ni hari tu kehadiran pelajar ke sekolah adalah seramai 39 orang sahaja, tetapi setelah program ini dijalankan, bilangan pelajar telah meningkat kepada 51 orang. Selain itu, pihak sekolah juga menyediakan makan minum kepada pelajar iaitu sebanyak 3 kali makan. Pada waktu pagi, sekolah akan bagi makan biskut dan air, lepas tu minum pagi pelajar akan makan makanan daripada tajaan Rancangan Makanan Tambahan (RMT). Bagi makan tengah hari pula, MAIDAM yang taja.”

Seterusnya hasil temubual daripada informan 2 menyatakan bahawa, antara program yang dilaksanakan adalah program pendidikan. Ia merangkumi program akademik iaitu menguasai 3M iaitu membaca, menulis, dan mengira serta bahasa Inggeris, program persediaan peperiksaan UPSR, program galakan murid-murid datang ke sekolah dan bantuan penyediaan makan minum kepada pelajar sebanyak tiga kali iaitu sarapan pagi, minum pagi dan makan tengah hari. Ini menunjukkan agensi ini berperanan dalam aspek pendidikan dan akademik kepada komuniti ini terutamanya pelajar-pelajar sekolah.

Seterusnya, diperkampungan Sungai Berua pula, penyelidik juga mengajukan soalan kepada salah seorang penggerak masyarakat (informan 3), beliau menyatakan bahawa:

“Kita ada buat kursus perkahwinan bulan februari 2017, sebab orang sini kahwin tanpa kursus, jadi kita anjurkanlah kursus pasca perkahwinan, biasa kalau melayu kita buat dua hari, tapi sini kita buat

santai je, sehari tu kita buat pengisian sukaneka, kita kumpulkan diaorang tu untuk dengar ceramah, penerangan perkahwinan mengikut perspektif islam. Selain pengurusan kahwin, kita juga buat pengurusan jenazah, setakat ni kalau mati kita yang uruskan 100 peratus. Di kalangan diaorang ni akan datang dari awal la, kita nak diaorang buat sendiri. Tahun ni kita baru buat program macam ni. Sebelum ni JAKIM yang uruskan, kita nak lepas ni dia mampu uruskan sendiri la. Kalau berkenaan dengan pendidikan, kita buat kelas lah seperti kelas fardhu ain untuk dewasa, remaja dan kanak-kanak. Macam sini kita ada 3 orang kakitangan JAKIM. Saya mengajar kelas dewasa perempuan dan remaja perempuan. Selain itu, kita juga membantu urusan pihak JAKOA, kadang-kadang kita tolong hantar diaorang pergi hospital, kita gi ambil dia keluar wad. Kalau negeri lain, macam JAKOA tak ada, penggerak la yang tolong bantu. Kat terengganu je lain, biasa kat tempat lain sorang je penggerak. Kat sini sampai 2 hingga 3 orang penggerak untuk satu kampung. Sini sebab diaorang islam, jadi kita kena bagi penghayatan islam lah. Kita pun ada hantar diaorang untuk belajar agama di luar Terengganu seperti Pusat Bimbingan Sultan Abdul Halim Shah (PUSBA). Pengajian diaorang tu ditanggung oleh MAIDAM. Lepas habis belajar tu kiranya diaorang dapatlah peluang untuk cari kerja. Kalau agensi luar buat program, kita follow jugak. Kita memang membantu lah”.

Melalui hasil temubual dengan agensi pelaksana, penyelidik menemukan bahawa pihak agensi pelaksana telah melaksanakan kursus perkahwinan dan kursus pasca perkahwinan. Seterusnya, pihak agensi turut bertanggungjawab dalam program pengurusan jenazah. Komuniti Orang Asli di perkampungan Sungai Berua ini telah memberi kepercayaan sepenuhnya kepada pihak agensi dalam menguruskan jenazah Orang Asli. Program-program kerohanian lain yang dilaksanakan adalah seperti mengadakan kelas fardhu ain kepada golongan dewasa, remaja dan kanak-kanak serta tajaan bagi komuniti ini mengikuti program pendidikan agama islam iaitu di Pusat Bimbingan Sultan Abdul Halim Shah (PUSBA). Pihak agensi pelaksana turut memberi bantuan dalam kemudahan kesihatan kepada komuniti Orang Asli seperti menghantar mereka ke hospital (masuk dan keluar wad). Ini disebabkan oleh faktor penempatan staf agensi pelaksana yang berada dalam kawasan perkampungan Orang Asli tersebut. Secara amnya, agensi ini berperanan dalam aspek keagamaan/kerohanian terhadap komuniti ini memandangkan mereka beragama islam.

Berdasarkan maklumat daripada hasil temubual dengan informan 4, beliau menyatakan bahawa:

“Kita ada program kesihatan wanita untuk dewasa termasuk pemeriksaan pap smear (kanser rahim), payudara, perancang keluarga. Program klinik ibu anak untuk antenatal, postnatal, kanak-kanak, kehamilan. Program kesihatan kanak-kanak seperti kurang zat makanan, kita sini biasa sampai umur 6 tahun ke bawah. Pesakit luar kita buat setiap hari Selasa, setiap minggu. Pembantu perubatan (Medical Asistant) akan turun untuk pelaksanaan program pemeriksaan tibi, jaringan diabetis. Seterusnya klinik akan rancang satu tarikh yang sesuai untuk program-program lain seperti kem-kem kesihatan.

Tahun lepas kita ada 3 kem sini, satu tu bersama pakar daripada Hospital Sultanah Nur Zahirah (HSNZ), kita panggil kem kesihatan bersama kanak-kanak di sini, satu lagi kem kesihatan cakna tibi, kem kesihatan bersama pengarah kesihatan. Kita tengok respon mereka, alhamdulillah bagus, tapi kena panggil, kita perlu sediakan makan minum dan barang mainan untuk kanak-kanak, program ada sambutan tapi kebanyakan ibu-ibu yang hadir”.

Berdasarkan hasil temubual, penyelidik menemukan bahawa pihak agensi pelaksana telah menjalankan program kesihatan wanita dewasa. Program ini merangkumi pemeriksaan pap smear (kanser rahim), payudara dan perancang keluarga. Seterusnya, pihak agensi pelaksana juga turut menjalankan program klinik ibu dan anak. Bagi program kesihatan kepada golongan ibu adalah meliputi rawatan antenatal, postnatal dan kehamilan manakala program kesihatan kanak-kanak meliputi program zat makanan. Selanjutnya, bagi pesakit luar, program yang dijalankan adalah seperti program pemeriksaan tibi dan jaringan diabetis. Selain itu, pihak agensi pelaksana turut merancang program-program kesihatan lain seperti kem-kem kesihatan kepada komuniti Orang Asli. Ini menunjukkan agensi ini berperanan dalam aspek kesihatan komuniti Orang Asli.

KESIMPULAN

Kajian mendapati bahawa pihak agensi seperti JAKOA, sekolah, JAKIM dan Klinik Kesihatan telah banyak melaksanakan pelbagai PPS ke atas komuniti Orang Asli untuk meningkatkan taraf kualiti hidup mereka. Pihak agensi yang terlibat telah menyediakan kemudahan perumahan dan infrastruktur, program latihan dan kemahiran, program kekeluargaan, program pendidikan, program kerohanian dan program kesihatan. Kajian ini juga menemukan bahawa pihak agensi-agensi tersebut berperanan dalam proses perancangan, penilaian, pemantauan sesuatu program agar program – program yang dilaksanakan tersebut berjalan sesuai jadual yang telah ditetapkan dan turut membuat kerjasama dengan pihak agensi lain dalam melaksanakan program secara bersama.

Rujukan

- Ab Manaf, N., Abdullah, R., Omar, K., Halim, M. A. S. A., Simin, M. H. A., & Sa'di Hashim, S. 2019. Local Community Partnership in Social Development Program: National Community Case Study in Terengganu. *International Journal of Recent Technology and Engineering*, 7, 1541-1546.
- Abdullah, H. 2009. Faktor isi rumah, status pemakanan dan kesihatan yang mempengaruhi keupayaan kognitif am kanak-kanak Orang Asli (Doctoral dissertation, Universiti Putra Malaysia).
- Abdullah, R. 2014. Orang Asli Pembangunan dan Transformasi. Kuala Terengganu: Universiti Sultan Zainal Abidin.
- Amir Zal, W.A., Salleh, H, Omar, M, & Halim, S. 2014. Kebolehcapaian dan keterancaman modal semula jadi Orang Asli Lanoh di Malaysia. *Geografia OnlineTM Malaysian Journal of Society and Space*, 10 (2) 178 - 188.
- Cooke, M., Mitrou, F., Lawrence, D., Guimond, E., & Beavon, D. 2007. Indigenous well-being in four countries: an application of the UNDP's human development index to Indigenous peoples in Australia, Canada, New Zealand, and the United States. *BMC international health and human rights*, 7(1), 9.
- Don, A.G & Sa'id, M.T. 2005. Manahij al-Da'wah wa Asalibuha. *Islamiyyat*, jil.2, Bil.No.1.
- Hashim, H. & Abdullah, R.G. 2009. Penglibatan Komuniti dalam Program Pembangunan Luar Bandar: Kajian Kes di Pusat Pertumbuhan Desa Gedong, Sarawak

- (Community Participation in Rural Development Program: A Case). *Akademika*, 77(1).
- Idris, J. 1992. People's Participation in Development: A Case Study of a Successful Programme of an Orang Asli Settlement. Paper presented at the 'Workshop on Penan Development: Towards Active Participation of the Penan Community in Development,' organised by Angkatan Zaman Mansang (AZAM), 20 – 21 January, Marudi, Sarawak.
- Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA). 2011. Laporan Tahunan JAKOA 2011. <http://www.jakoa.gov.my/?edmc=2851>.
- Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA). 2018. Atas talian <http://www.jakoa.gov.my/en/orang-asli/pengenalan-jakoa/> [30 Julai 2018].
- Jamiran, M. N. S., & Ta Wee, S. 2013. Kelestarian transformasi pembangunan sosioekonomi Orang Asli. *Persidangan Kebangsaan Geografi & Alam Sekitar Kali Ke-4*.
- Kayat, K. & Mohd Nor, N.A. 2006. Penglibatan ahli komuniti dalam program pembangunan komuniti: satu kajian ke atas program homestay di Kedah (Community Members Involvement in Community Development Programme: Homestay Programme in Kedah). *Akademika*, 67(1).
- Marshall, M. N. 1996. Sampling for qualitative research. *Family practice*, 13(6), 522-526.
- Md.Yusoff, Y. 2003. Kepentingan Kaunseling dalam Menangani Masalah Rumahtangga. *Jurnal Usuluddin*.
- Merriam, S.B. 1998. *Qualitative Research and Case Study Applications in Education*. Revised and Expanded from "Case Study Research in Education". Jossey-Bass Publishers, 350 Sansome St, San Francisco, CA 94104.
- Redzuan, M.&Gill, S.S. eds. 2008 *Orang Asli: isu, transformasi dan cabaran*. Penerbit Universiti Putra Malaysia, Serdang, Selangor. ISBN 9789833440306.
- Salleh, M.J. 2009. Kajian terhadap kesedaran pendidikan di kalangan masyarakat Orang Asli.
- Shafii,H,. Shareh Musa, S.M. & Abd Rahman, Z. 2009. Pembangunan Modal Insan Ke Arah Meningkatkan Kualiti Hidup Masyarakat. *International Conference on Human Capital Development (ICONHCD)* 25-27 May 2009, Kuantan Pahang.
- Subramanian SV, Smith GD, Subramanyam M. 2006. Indigenous Health and Socioeconomic Status in India. *PLoS Med* 3(10): e421. doi:10.1371/journal.pmed.0030421.
- Tarmiji, M., Fujimaki, M. & Ismail, N. 2013. Orang Asli in Peninsular Malaysia: population, spatial distribution and socio-economic condition. *Journal of Ritsumeikan Social Sciences and Humanities*, 6, 75-115.
- Unit Perancang Ekonomi. 2015. Atas talian <http://www.epu.gov.my/wawasan-2020-1991-2020> [12 Februari 2015].